

Produk buatan
China untuk jualan
dalam talian

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) melalui Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) negeri merampas 116 ubat tidak berdaftar dan 49 kosmetik tidak bernetifikasi yang dijual secara dalam talian.

Pengarah JKNP, Datuk Dr Rusdi Abd Rahman, berkata, kesemua barangan itu dijumpai selepas pemeriksaan dilakukan ke atas tiga premis kediaman dan satu kenderaan di sekitar daerah ini.

Menurutnya, empat peranti digital yang digunakan bagi tujuan jualan secara dalam talian turut dijumpai susulan aduan orang awam terhadap aktiviti jualan berkenaan.

"Kita telah merampas ubat-ubatan tidak berdaftar, kosmetik tidak bernetifikasi dan peranti digital. Kesemua nilai rampasan itu dianggarkan hampir RM1 juta.

"Aktiviti ini kita bongkar hasil risikan CPF Pahang selama

enam bulan. Pengeluar dari China, jadi kita tidak tahu dan kesan siapa yang terlibat kerana ia menerusi platform e-dagang tapi ia mungkin dilakukan oleh orang tengah sebagai pembekal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar rampasan produk tidak berdaftar dijual secara dalam talian di bilik mesyuarat di Pejabat JKNP di Indera Mahkota di sini pada Selasa.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Cawangan Perisikan dan Operasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Mohd Azaruddin Azis, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM, Mohd Zawawi Abdullah, Ketua CPF Pahang, Kamaruzzaman Othman dan Ketua Seksyen Perisikan dan Operasi CPF Pahang, Muhammad Nasyaruddin Abd Manaf.

Rampasan terbabit dilakukan dalam Operasi LHT yang diketuai CPF Pahang dengan kerjasama Ibu Pejabat Bahagian

Ubat, kosmetik tidak berdaftar dirampas



Rusdi (tengah) menunjukkan produk tidak berdaftar yang dijual secara dalam talian di Pejabat JKNP, Indera Mahkota, Kuantan pada Selasa

Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), CPF Selangor, CPF Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Polis Diraja Malaysia.

Dr Rusdi memberitahu, kebanyakan ubat yang dijual se-

cara dalam talian mempunyai steroid, sedangkan ubat tersebut adalah terkawal dan hanya dikeluarkan dengan persetujuan doktor.

Katanya, ubat seperti steroid itu boleh memberi kesan sampingan yang amat ketara

sekiranya diambil secara tidak terkawal kerana ia boleh merosakkan buah pinggang dan tulang.

"Antara ubatan yang dijual termasuklah antibiotik untuk penyakit kulit, ubat makan untuk masalah sakit sendi dan tenaga batin.

"Kesemua ubat ini dijual secara dalam talian pada harga yang rendah," katanya.

Menurut Rusdi, tindakan mahkamah akan diambil ke atas suspek di bawah Peraturan 7(1(a) dan Peraturan 18A(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

"Mereka yang terlibat boleh dihukum di bawah Seksyen 12(1) Akta Jualan Dadah 1952 iaitu denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi syarikat yang melakukan kesalahan sama boeih dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya," tegasnya.

POH
PALEH
MEHU